

Biodiversiti Jejebu jadi tarikan

Oleh **BADRUL HAFIZAN**

MAT ISA

badrul isa@mediamula.com.my

JEJEBU: Lebih 50 peratus keluasan daerah Jejebu yang merupakan salah satu daripada tujuh buah daerah yang terletak di Negeri Sembilan sehingga kini masih diliputi oleh kawasan hutan.

Kedudukan muka buminya yang berbukit bukau dan mempunyai banyak kawasan bertanah tinggi menjadikan Jejebu mempunyai potensi cukup besar dibangunkan dengan aktiviti pelancongan menerusi eksploitasi sumber alamnya.

Ketika merasmikan Program Publisiti dan Penyertaan Awam Draft Rancangan Tempatan Daerah Jejebu 2035 (Penggantian), Menteri Besar, Datuk Seri Aminuddin Harun berkata, Jejebu perlu diteroka dan dimajukan sebagai sumber ekopelancongan bertaraf antarabangsa.

Walaupun terjejas dengan banjir besar pada penghujung tahun 2021, Menteri Besar berkata, kerajaan negeri tetap komited untuk membangunkan Rancangan Tempatan Daerah Jejebu 2035 yang telah digariskan demi pembangunan sosial dan masyarakat setempat.

Sehubungan itu, menurut beliau, sebagai daerah yang kaya dengan kepelbagaian biodiversiti, flora dan fauna, tumpuan pembangunan Jejebu akan berfokuskan kepada aktiviti pelancongan melalui pembangunan atau eksploitasi sumber-sumber alam.

Menurutnya, pembangunan yang dirancang bakal menerapkan elemen perbandaran ke petempatan desa dengan membangunkan daerah pelancongan sebagai teras pembangunan daerah Jejebu.

"Sebagai persediaan menghadapi persaingan di pelbagai peringkat, Jejebu akan terus diperkukuhkan peranannya dengan projek berkepentingan nasional dan negeri. Ini kerana Daerah Jejebu juga merupakan sebahagian daripada hab makanan Lembah Klang.

"Kesemua elemen ini telah diambil kira dalam pembentukan strategi, inisiatif dan tindakan dalam kajian ini yang mana Rancangan Tempatan Daerah Jejebu telah merangka 25 strategi pembangunan dan disokong oleh 108 inisiatif.

"Ini meliputi aspek pembangunan tanah fizikal



AMINUDDIN Harun ketika mendengar penerangan mengenai Draft Rancangan Tempatan Daerah Jejebu 2035 (Penggantian) oleh Pengarah PLANMalaysia@Negeri Sembilan, Khairulzaman Ibrahim.

secara lestari, pengukuhan sektor pertanian, ekonomi berdaya maju, reka bentuk bandar, alam sekitar dan kemudahan masyarakat," katanya.

Tambah Aminuddin, imej dan identiti daerah Jejebu akan difokus melalui pelaksanaan yang melibatkan 10 projek *Quick Win*, 12 projek strategik, 35 projek utama dan 51 projek sokongan yang boleh menjadi pemangkin kepada pembangunan negeri dan daerah.

Jelas beliau, pelaksanaan projek yang telah dicadangkan akan ditumpukan di kawasan yang telah dikenal pasti seperti di kawasan keutamaan pembangunan, kawasan biodiversiti, pengkalan dan pemeliharaan serta kawasan ekonomi dan pelaburan.

"Antara projek utama berkepentingan negeri dan daerah telah dikenal pasti bagi menjana pertumbuhan ekonomi adalah seperti Taman

Industri Halal (Simpang Pertang), Kenaboi World Biodiversity Centre (Taman Negeri Kenaboi), Taman Kekal Pengeluaran Makanan

(TKPM) dan Jejebu Best Food Spot (J-Best) yang dijangka menyumbang kepada ke arah imej Jejebu di peringkat negara dan

antarabangsa," katanya.

Menurut Menteri Besar, skala pembangunan tersebut menuntut kawasan persekitarannya dibangunkan dengan cekap dan tersusun bagi melengkapkan pembangunan yang dirancang.

Dalam pada itu, kata Aminuddin, bagi melengkapkan pembangunan yang dirancang termasuk di kawasan Taman Negeri Kenaboi, Pusat Konservasi Tapir Kebangsaan iaitu yang merupakan pertama di negara ini juga akan diwujudkan.

Projek berkenaan telah mendapat persetujuan kerajaan negeri dan telah diluluskan oleh kerajaan pusat dan apabila siap kelak akan melaksanakan program rawatan, rehabilitasi dan pembiakan tapir yang komprehensif.

Jelas beliau, dijangka, pusat konservasi ini akan menggalakkan perkembangan aktiviti kajian dan penyelidikan spesies tapir serta habitat daripada penyelidikan tempatan dan antarabangsa.



“Sebagai persediaan menghadapi persaingan di pelbagai peringkat, Jejebu akan terus diperkukuhkan peranannya dengan projek berkepentingan nasional dan negeri.”

AMINUDDIN

Selamat Hari Kebangsaan 2022



Setulus ikhtis daripada



YAB Dato' Seri Haji Aminuddin Harun
Menteri Besar Negeri Sembilan
Kerajaan Negeri dan Seluruh Rakyat
Negeri Sembilan Darul Khusus